

01 AUG 2003

Samy Vellu-Air

HUTANG JBA DILANGSAIKAN APABILA KERAJAAN PUSAT AMBIL ALIH

NILAI, 1 Ogos (Bernama) -- Semua hutang Jabatan Bekalan Air (JBA) di negeri-negeri di Semenanjung akan ditanggung serta dilangsaikan oleh kerajaan pusat apabila hak pengurusan air diambil alih oleh kerajaan pusat, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

"Pada masa ini, JBA di negeri-negeri menanggung hutang dan kerugian berjuta-juta ringgit untuk membaiki paip, membina loji rawatan, kebocoran paip dan kejadian curi air.

"Apabila hak pentadbiran dan pengurusan air di semua negeri di Semenanjung diserahkan kepada kerajaan pusat, semua hutang yang ditanggung JBA negeri akan ditanggung dan dibayar oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Golf Amal bagi mengisi tabung pembinaan AIMST, di Nilai Spring Golf & Country Club, dekat sini hari ini.

Katanya bagi JBA negeri yang telah diswastakan seperti Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) dan di Pulau Pinang, hutang mereka juga akan ditanggung serta dijelaskan oleh kerajaan pusat.

Pada waktu ini, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri bersetuju pada prinsipnya dengan cadangan kerajaan pusat itu, Samy Vellu.

Namun begitu, proses untuk mengambil alih pengurusan bekalan air itu tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa dua atau tiga bulan kerana ia melibatkan pindaan akta dan enakmen di negeri-negeri.

"Apabila akta dan enakmen yang berkaitan telah dipinda, barulah proses pengambil alihan dapat dilaksanakan," katanya.

Ditanya mengenai kadar tarif yang akan dikenakan apabila proses itu dilaksanakan, Samy Vellu berkata perkara itu akan dibincangkan kemudian.

Keputusan kerajaan pusat untuk mengambil alih pengurusan bekalan air di semua negeri di Semenanjung, kecuali Sabah dan Sarawak dicapai semasa mesyuarat Majlis Air Negara (MAN) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, Selasa lepas.

Samy Vellu berkata pada masa ini hanya tiga atau empat negeri sahaja yang mencatatkan keuntungan dari bekalan air, tetapi enggan menamakan negeri terbabit.

-- BERNAMA

APG ROS